



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

30 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)

360 Kes Gigitan Haiwan Dilaporkan Seminggu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	30 Sept



Dr Sim menerima cenderamata daripada Pengarah JPVS Datu Dr Adrian Susin Ambud sambil disaksikan Dr Rundi pada majlis perasmian RIB 2024 hari ini. -Gambar UKAS

KUCHING: Sarawak merekodkan sejumlah 12,587 kes gigitan haiwan dalam tempoh 1 Januari hingga Ogos tahun ini.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, secara purata sebanyak 360 kes gigitan haiwan dilaporkan setiap minggu.

“Daripada jumlah keseluruhan kes ini, sebanyak 6,966 kes atau 55.34 peratus adalah gigitan atau cakaran kucing, 5,451 kes (43.30 peratus) adalah gigitan anjing dan 170 kes (1.35

peratus) melibatkan haiwan lain.

“8,703 kes atau 69.14 peratus daripadanya merupakan gigitan atau cakaran daripada haiwan peliharaan manakala 3,884 kes (30.86 peratus) melibatkan haiwan liar atau terbiar,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian pada majlis perasmian Persidangan Rabies di Borneo (RIB) 2024 di sebuah hotel di sini, hari

ini.

Sehubungan itu, Abang Johari berkata, Kerajaan Sarawak akan terus komited melaksanakan pelbagai usaha bagi mengekang penularan wabak rabies dan mencapai status bebas rabies menjelang 2030.

Antara usaha yang sudah dilakukan katanya, termasuk mengadakan vaksinasi secara besar-besaran terhadap anjing, pengeluaran lesen dan mikrocip, kawalan populasi anjing, kempen kesedaran serta pemantauan dan pengawasan.

“Di Sarawak, kita juga mempunyai Pasukan Immune Belt Enforcement Team (IBET) di bawah Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS).

“Unit ini ditubuhkan oleh Kerajaan Sarawak bagi mencegah kemasukan rabies di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan yang merentasi lebih 1,032 kilometer dari Lundu hingga Lawas.

“Untuk makluman, IBET secara aktif memantau dan membendung pergerakan anjing yang dijangkiti rabies, menjalankan pengawasan penyakit dan telah berjaya memvaksin 21,860 ekor anjing sekali gus mencapai

89 peratus imuniti kelompok dalam zon ‘immune belt’ pada tahun 2023,” katanya.

Sehingga kini, ujarnya, jumlah anjing yang telah divaksinasi oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) dan IBET di seluruh Sarawak adalah sebanyak 36,900 ekor anjing, daripada 50,000 anjing yang disasarkan menjelang akhir tahun ini.

“Selain langkah-langkah ini, Kerajaan Sarawak juga bekerjasama dengan negara-negara lain di rantau ini untuk mengawal dan mencegah penularan wabak rabies,” kata beliau

Sehubungan itu, Abang Johari berharap, persidangan RIB itu akan digunakan sebaik mungkin untuk berkongsi pengetahuan serta penyelesaian mengenai usaha menangani wabak rabies.

“Saya menyeru semua pihak berkepentingan untuk bekerjasama dalam mengawal dan menghapuskan rabies di Borneo.

Kita perlu berganding bahu untuk mendidik masyarakat tentang rabies serta memantau, mengesan dan sentiasa berada selangkah di hadapan dalam menangani penyakit ini.

"Saya yakin persidangan ini akan berjaya dan oleh itu, mari kita bersatu dalam komitmen untuk melawan rabies dan mencapai status Sarawak bebas rabies menjelang 2030," ujar Abang Johari.-[UTUSAN BORNEO](#)

RIB 2024 Platform Terbaik Pelajari Kaedah Negara-negara Lain Tangani Wabak Rabies

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	30 Sept



Gambar fail

KUCHING: Persidangan Rabies di Borneo (RIB) 2024 merupakan platform terbaik untuk mempelajari kaedah negara-negara lain dalam menangani wabak rabies.

Menyertai sidang media di Sarawak pada hari ini, Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, rabies merupakan isu kesihatan yang serius dan dihadapi di seluruh dunia.

Di Sarawak katanya, usaha untuk menghapuskan wabak rabies sepenuhnya adalah perkara yang sukar namun

tidak mustahil untuk dilakukan terutama dalam mencapai matlamat sifar rabies menjelang 2030.

"Oleh itu, kita perlu berkongsi pengetahuan dan bekerjasama dengan negara-negara yang telah mencapai kejayaan hampir 100 peratus atau sepenuhnya dalam membasmi rabies di negara mereka.

"Kita perlu mengetahui apa yang mereka lakukan, bagaimana mereka melakukannya dan bagaimana kita dapat

mencontohi pencapaian mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian RIB 2024 yang disempurnakan Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian mewakili Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) Datu Dr Adrian Susin Ambud serta tetamu kehormat lain.

Dr Rundi berkata, persidangan selama dua hari ini mengumpulkan pakar dari seluruh dunia untuk berkongsi pengalaman, idea dan pandangan mereka dalam menangani wabak rabies.

Pakar-pakar itu adalah dari Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, India, Australia dan Brazil.

"Kematian akibat rabies kebanyakannya berlaku di negara-negara Asia dan maka itu, sudah tiba masanya untuk kita sama-sama bekerjasama dalam usaha membasmi wabak ini," ujarnya.

Selain itu tambah beliau, penguatkuasaan undang-undang juga perlu dilaksanakan bagi

memastikan semua rakyat Sarawak selaras dengan cita-cita kerajaan untuk mencapai sifar rabies menjelang 2030.-
UTUSANBORNEO

Orang Ramai Digesa Terus Bekerjasama Dengan Pihak Berkuasa Basmi Rabies

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	30 Sept



Gambar fail

KUCHING: Orang ramai digesa terus memberi kerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha membasmi wabak rabies di Sarawak sekali gus mencapai sifar penyakit itu menjelang 2030.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian berkata, mereka terutama pemilik anjing boleh membantu dengan memastikan haiwan peliharaan masing-masing divaksinasi setiap tahun.

"(Dan) sekiranya anda digit atau dicakar oleh anjing yang

mungkin mempunyai rabies, sila ambil tindakan segera dengan pergi ke klinik untuk mendapatkan vaksinasi.

"Ini kerana rabies boleh dicegah dalam kalangan manusia dan haiwan asalkan mengambil suntikan ini," katanya ketika ditemui media selepas merasmikan persidangan Rabies di Borneo (RIB) 2024 di sini, hari ini.

Malah kata Dr Sim, tahap kesedaran orang ramai terhadap wabak itu juga perlu ditingkatkan ekoran

berlakunya perubahan pola jangkitan rabies di Sarawak.

Selain anjing, kini kucing juga boleh dijangkiti wabak rabies dan bukan hanya anjing liar sahaja malah haiwan peliharaan anda juga.

"Ia tidak lagi hanya melibatkan anjing. Kucing juga terlibat dan kini haiwan peliharaan anda pun boleh terkena rabies, bukan lagi hanya haiwan terbiar.

"Jadi pola jangkitan rabies ini telah berubah dan semua orang perlu menyedari perubahan ini dengan menekankan sistem pemvaksinan untuk mencegah rabies dalam melindungi kedua-dua haiwan dan manusia," tegasnya.

Sehingga 31 Ogos tahun ini, sebanyak 6,966 atau 55 peratus daripada 12,587 kes gigitan haiwan melibatkan gigitan atau cakaran kucing, 5,451 (43 peratus) adalah gigitan anjing dan 170 (1.3 peratus) melibatkan haiwan lain.

Daripada kes tersebut, 8,703 atau 69 peratus merupakan gigitan atau cakaran haiwan peliharaan manakala 3,884 (31 peratus) melibatkan haiwan liar atau terbiar.

Menurut Dr Sim, salah satu cara untuk sentiasa makum

mengenai wabak itu, jelasnya adalah melalui aplikasi rabies yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) dan Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC).

Beliau berkata aplikasi tersebut menyediakan maklumat mengenai kes rabies dan vaksinasi haiwan.

Selain itu, katanya, Kerajaan Sarawak juga telah menubuhkan Pasukan Immune Belt Enforcement Team (IBET) bagi mencegah kemasukan rabies di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan dan memberi vaksin kepada anjing di zon berkenaan.

"Kerajaan Sarawak telah melakukan banyak usaha dalam mengekang penularan wabak ini... kita melakukanya demi keselamatan orang ramai dan mahu mencapai status negeri bebas rabies menjelang 2030," tegas Dr Sim.

Untuk rekod, Sarawak telah melaporkan 81 kes jangkitan rabies manusia yang membawa kepada 74 kematian sejak wabak itu bermula 2017.

Pada tahun ini sahaja, enam kes jangkitan rabies manusia telah dilaporkan.-
UTUSAN BORNEO

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR